



KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras 2, Blok B7
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03 8000 8000
Fax : 03 8888 3258
Portal Rasmi: www.cgso.gov.my

Ruj. Kami : KPKK (S) 600-12/4 (32)
Tarikh : 18 Ogos 2015

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,


**ARAHAN PENYELARASAN DAN PENYERAGAMAN PAKAIAN
SERAGAM PEMBANTU KESELAMATAN DAN PENGAWAL
KESELAMATAN KERAJAAN DI BAWAH KETUA
PERKHIDMATAN - KETUA PENGARAH KESELAMATAN
KERAJAAN**

Saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara tersebut di atas.

2. Seperti mana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri /Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2010 - Penetapan Ketua Perkhidmatan Bagi Skim Perkhidmatan Yang Sedang Berkuat Kuasa Dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan, skim perkhidmatan Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan Kerajaan adalah diletakkan di bawah tanggungjawab Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia selaku Ketua Perkhidmatan.

3. Berasaskan ketetapan tersebut, hasil pemerhatian yang dijalankan mendapati pakaian seragam bagi Pembantu Keselamatan (Gred KP17, KP22 dan KP26) dan Pengawal Keselamatan Kerajaan (Gred KP11 dan KP14) di Kementerian dan

....2/



Jabatan Kerajaan Persekutuan pada masa ini adalah tidak seragam.


4. Sehubungan itu, Pejabat ini telah menetapkan supaya penyelarasan dan penyeragaman pakaian seragam bagi Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan Kerajaan yang tertakluk di bawah tanggungjawab Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan dilaksanakan. Penyelarasan dan penyeragaman pakaian seragam ini amat penting bagi mewujudkan satu identiti yang standard di semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan.
5. Arahan penyelarasan dan penyeragaman pakaian seragam ini **terpakai** kepada semua Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan Kerajaan.
6. Arahan penyelarasan dan penyeragaman pakaian seragam ini **tidak terpakai** kepada Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan Kerajaan yang telah ditauliahkan sebagai Polis Bantuan di Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan.
7. Bagi tujuan keseragaman, Pembantu Keselamatan atau Pengawal Keselamatan Kerajaan di Kementerian atau Jabatan Kerajaan Persekutuan yang tidak memilih Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia sebagai Ketua Perkhidmatan dibenarkan memakai pakaian seragam baharu ini tetapi perlu memaklumkan secara rasmi kepada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan.
8. Pemakaian pakaian seragam ini telahpun dipersetujui oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara. Ianya perlu dilaksanakan oleh semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan yang mempunyai jawatan Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan Kerajaan.
9. Bersama-sama ini dilampirkan gambaran warna (Lampiran A1) serta pakaian seragam dengan aksesori yang lengkap bagi Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan Kerajaan (Lampiran A2 dan A3) untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/ Dato' Sri/Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan jua.

10. Arahan penyelarasan dan penyeragaman pakaian seragam ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' ALOYAH BINTI MAMAT)
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan

s.k.:

YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa
Ketua Setiausaha Negara


YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Bin Zainal
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

YBhg. Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri


YBhg. Datuk Mohd. Zuki bin Ali
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Jabatan Perdana Menteri

YBrs. Puan Yatimah Binti Sarjiman
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan)
Jabatan Perdana Menteri

LAMPIRAN A1




Warna Baju : Biru Muda
Jenis Fabrik : Viscose
Kod Warna : 7095



Warna Seluar : Hitam
Jenis Fabrik : Viscose
Kod Warna : 00

LAMPIRAN A2

PAKAIAN SERAGAM PENGAWAL KESELAMATAN DAN PEMBANTU KESELAMATAN LELAKI (GRED KP 11, KP 14, KP 17, KP 22 & KP 26)



LAMPIRAN A3

PAKAIAN SERAGAM PENGAWAL KESELAMATAN DAN PEMBANTU KESELAMATAN WANITA (GRED KP 11, KP 14, KP 17, KP 22 & KP 26)

